

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN TAWARAN**

- 1. BILANGAN TAWARAN:** **10/JMM/S/12/91 (2022/2023)**  
**TAJUK TAWARAN:** ***RENTAL AND OPERATING OF CAFETERIA FOR DURATION OF THREE (3) YEARS AT BANGUNAN LAMA KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN***
  
- 2. BILANGAN TAWARAN:** **11/JMM/S/12/91 (2022/2023)**  
**TAJUK TAWARAN:** ***RENTAL AND OPERATING OF SOUVENIER SHOP FOR A DURATION OF TWO (2) YEARS AT BANGUNAN LAMA KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN***

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. Tawaran dibuka kepada syarikat-syarikat/pemborong-pemborong yang mempunyai 'Sijil Pendaftaran' yang berdaftar dengan Registrar of Companies of Brunei Darussalam yang berkaitan dengan kemahiran dan pengalaman dalam kerja-kerja diatas.
  
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
  
3. Dokumen Tawaran boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang hingga 2.30 petang (Hari Isnin hingga Hari Khamis).
  
4. **Yuran Tawaran** bagi setiap borang adalah **B\$25.00 (Ringgit: Dua Puluh Lima Ringgit Sahaja)** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (bona-fide tender).
  
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada **PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, SIMPANG 336-17, JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN BA1210, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
  
6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam PETI TAWARAN LEMBAGA TAWARAN KECIL (WARNA BIRU), TINGKAT 1 (RUANG MASUK / PENYAMBUT TETAMU), KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN **tidak lewat Hari Selasa, 7 Jun 2022 jam 2.00 petang.**

7. Bagi memudahkan untuk membuat penilaian, Penender-penender adalah dikehendaki untuk membuat lawatan ke tempat yang dimaksudkan pada hari dan waktu bekerja dengan menghubungi OIC terlebih dahulu melalui nombor telefon 8633394.
8. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
9. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat / pemberong adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran yang dinyatakan dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.
10. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang Tawaran yang disediakan. Borang Tawaran dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar Tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.
11. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran syarikat dan salinan resit pembayaran yuran sebutharga (seperti kenyataan Para 4).
12. Penender dimestikan untuk menurunkan tandatangan '*initial*' pada setiap mukasurat dimana maklumat telahpun diisikan oleh penender.
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
14. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).